

Accepted	Reviewed	e-Journal Upload
04 AUG 2022	17 OCT 2022	29 NOV 2022

## **Analisis Penggunaan Anyflip Dalam Amalan Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia**

### ***Analysis Of The Use Of Anyflip In Teaching High School Islamic Education In Malaysia***

Halim Ismail <sup>1</sup>, Syarifah Syamimi Wafaa Syed Azmi <sup>2</sup>, Ainulhuda Kamaruzaman <sup>3</sup>,  
Abdullah Kamaruzzaman <sup>4</sup>, Siti Hajar Takariah <sup>5</sup>, Nur Afiza Mokhtar <sup>6</sup>, Zainal  
Ahmad <sup>7</sup>

#### **ABSTRAK**

*Akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran wabak Covid-19 yang melanda negara bermula Mac 2020, sektor Pendidikan seperti sekolah, IPTA dan IPTS turut terkesan dan terpaksa ditutup untuk sementara waktu. Kajian ini dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam berkenaan penggunaan anyflip di dalam PdPR. Penutupan institusi disebabkan oleh Pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan terhadap struktur Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara fizikal kepada Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara atas talian. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penggunaan anyflip dan kekurangannya semasa pengajaran guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) semasa PdPR. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kualitatif melalui temubual terhadap guru-guru Pendidikan Islam dan analisis dokumen. Kajian ini mendapati, penggunaan anyflip mampu memaksimumkan proses pengajaran dan pembelajaran, namun terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditambah baik bagi mengoptimumkan penggunaan anyflip supaya selari dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kajian ini memberi impak terhadap kaedah pengajaran Guru Pendidikan Islam di Malaysia sewaktu PdPR.*

**Kata Kunci:** *anyflip, Pendidikan Islam Menengah Rendah, PdPR*

#### **ABSTRACT**

*As a result of the Movement Control Order (MCO) due to the Covid-19 epidemic that hit the country from March 2020, the education sector such as schools, Public Higher Education Institutions (IPTA) and Private Higher Education Institutions (IPTS) were also affected and had to be closed for a while. This study was conducted on Islamic Education teachers regarding the use of any flip in teaching PdPR. The closure of higher education institutions and schools due to the COVID-19 Pandemic has affected the structure of*

<sup>1</sup> Halim Ismail, PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, halimismail@iiu.edu.my

<sup>2</sup> Syarifah Syamimi Wafaa Syed Azmi, M.ed, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, mimi.alidrus@gmail.com

<sup>3</sup> Ainulhuda Kamaruzaman, M.ed, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, uliya286@gmail.com

<sup>4</sup> Abdullah Kamaruzzaman, M.ed, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, ibnuqamaru@gmail.com

<sup>5</sup> Siti Hajar Takariah, M.ed, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, anayaqin46@gmail.com

<sup>6</sup> Nur Afiza Mokhtar, M.ed, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, afiza.mokhtar@gmail.com

<sup>7</sup> Zainal Ahmad, M.ed, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, zainalenal7400@gmail.com

*Learning and Teaching (PdP) that is from the method of Teaching and Facilitation (PdPC) directly to Teaching and Learning at Home (PdPR) online. This study is to identify the use of any flip and its weakness during the teaching of Lower Secondary Islamic Education teachers of the Secondary School Standard Curriculum (KSSM) during PdPR. The methodology used in this study is qualitative in nature through interviews among Islamic Education teachers and document analysis. This study found that the use of any flip can maximise the teaching and learning process, but some shortcomings needed to be improved to optimise the use of anyflip with the requirements of the Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP). This study impacts the teaching methods of Islamic Education Teachers in Malaysia during the PdPR.*

**Keywords:** *anyflip, Lower Secondary Islamic Education, PdPR*

### **Pengenalan**

Pendidikan di Malaysia menetapkan buku teks sebagai salah satu bahan kurikulum seperti mana di negara-negara lain (Hussein Ahmad, 2015).. Buku teks memainkan peranan sebagai wadah yang membawa idea kandungan dan aktiviti cadangan bagi sesuatu kurikulum.

Di Malaysia buku teks merupakan salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang utama di sekolah. Buku teks juga merupakan bahan rujukan utama kepada murid dan guru untuk memahami kehendak kurikulum dan sukatan pelajaran sesuatu mata pelajaran. Oleh sebab itu buku teks dihasilkan berdasarkan kehendak yang dinyatakan di dalam kurikulum atau sukatan pelajaran yang mengambil kira segala aspek iaitu perkembangan kognitif, psikomotor dan efektif (Mas Ayu Dahlan, 2003).

### **Pernyataan Masalah**

Semenjak dunia dilanda virus Pandemik Covid-19 yang bermula di negara China, Malaysia juga salah satu negara yang tidak terkecuali mengalami nasib yang sama. Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020 sebagai salah satu cara untuk mengekang penularan virus covid ini. Penutupan beberapa sektor juga adalah salah satu cara negara menangani penularan virus ini. Sektor pendidikan, sekolah, IPTA mahupun IPTS juga menjadi antara yang terkesan dan terpaksa ditutup untuk sementara waktu akibat perkara ini. Atas sebab ini, pihak kementerian pendidikan khususnya mengambil pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) mahupun Bekerja Dari Rumah BDR untuk memastikan pendidikan murid tidak tercicir walaupun pembelajaran tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka.

Kekangan yang dihadapi disebabkan wabak ini, menuntut para pendidik mengembeling tenaga dan fikiran untuk terus menyampaikan ilmu secara digital atau alam maya menggunakan pelbagai medium atas talian. Atas sebab ini juga, penggunaan buku teks dilihat berubah secara fizikal kepada alam maya. Sekalipun proses penyampaian akan melalui pelbagai transformasi antaranya penyediaan bahan bantu mengajar perlu disediakan dalam bentuk *slide power point*, video dan sebagainya, ia masih seiring dengan kurikulum yang sedia ada dan para pendidik masih tetap menggunakan buku teks sebagai medium utama (Aisyah Sjahrony *et.al*, 2017). Ini untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar serta pelajar-pelajar mampu ikuti pembelajaran dengan baik.

Walaupun pembelajaran tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka, namun penggunaan buku teks masih digunakan oleh guru. Antara usaha yang dibuat oleh pihak kementerian adalah menghasilkan buku teks secara digital. Buku teks digital ini dilihat satu perkara yang masih baru dalam usaha KPM membantu guru mahupun murid dalam pengajaran dan pembelajaran

secara atas talian. (KPM,2021). Hal ini perlu diteroka kerana terdapat kajian yang menunjukkan bahawa terdapat peningkatan hasil pembelajaran murid apabila dilaksanakan penerapan digital book Anyflip (Kristina Dewi Martani, 2020).

Maka kajian ini dibuat adalah untuk melihat tahap penggunaan penggunaan anyflip terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam Menengah Rendah semasa PdPR dan mengenalpasti kekangan penggunaan anyflip terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam Menengah Rendah semasa PdPR..

### **Tinjauan Literatur**

Beberapa kajian lepas telah menyentuh mengenai pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Pengkaji memfokuskan tiga aspek utama terhadap kajian pengkaji iaitu pendidikan semasa fasa Pandemik Covid-19, PdPR dan amalan guru terhadap penggunaan bahan pengajaran digital.

### **Pendidikan Semasa Fasa Pandemik di Malaysia**

Masyarakat global khususnya di negara kita terpaksa mengubah normal dan gaya hidup mereka sekaligus keluar daripada kebiasaan akibat Pandemik Covid-19. Tidak terkecuali sektor pendidikan yang terdiri dari peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga terpaksa melakukan inovasi sesuai dengan suasana semasa yang perlu saling bekerjasama untuk memutuskan rantai Covid-19 ini dengan merubah struktur pembelajaran menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian. Proses pengajaran dan pembelajaran telah bertukar kepada sesuatu yang bukan baharu tetapi mula dilihat sebagai pilihan yang tepat iaitu pembelajaran secara maya (Hamat & Mahlan, 2020).

Selain itu, Ratheeswari, K. (2018) menyatakan bahawa dalam era digital, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi atau *Information and Communications Technology* (ICT) memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar dan mengaplikasi kemahiran-kemahiran yang diperlukan di alaf 21. Pembelajaran atas talian juga mampu membantu pendidik dan pelajar meneroka lebih banyak ilmu. Sekolah pada abad ke-21 seharusnya mempunyai penerapan teknologi dalam proses pembelajaran (Nur Akalili Mohd Amin & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021).

Pembelajaran dalam talian adalah salah satu kaedah pembelajaran yang menerapkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Afriyanti *et al.* 2018). Bahkan, pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara untuk memastikan sesebuah pembelajaran itu masih boleh dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa (Md Noor Salleh, 2019). Selain daripada itu, pembelajaran dalam talian juga boleh memberi pengaruh yang positif kepada murid seperti kemampuan untuk meningkatkan sikap dan motivasi murid terhadap sesebuah mata pelajaran (Nurul Hafizah Maarof *et al.* 2020).

### **Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)**

Profesion perguruan adalah tunggak utama negara dalam membentuk kemenjadian insan yang cemerlang. Guru sebagai pemudah cara pengajaran berfungsi sepenuhnya untuk memastikan penyampaian ilmu yang telus dan berkualiti kepada segenap lapisan murid. Krisis kesihatan global Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah mendatangkan pelbagai impak kepada ekonomi, sosial dan politik sebuah negara termasuk bidang pendidikan. Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi antaranya cabaran menggunakan teknologi. Guru-guru sering kali tidak mendapat penglibatan murid di dalam kaedah PdPR ini atas beberapa sebab antaranya disebabkan oleh situasi semasa dan terpaksa mengambil kira sumber keupayaan yang ada pada murid (Norehan Mohd Nasir, 2021).

Skrin telefon bimbit yang kecil juga menjadi satu cabaran kerana apa yang dimuat naik oleh guru semasa pembelajaran secara dalam talian menggunakan google meet mahu pun zoom meeting di mana murid tidak dapat dilihat dengan jelas. Kesediaan pelajar mengikuti kelas secara dalam talian adalah bergantung kepada peranti, pelan data dan motivasi diri pelajar (Tamilmullai dan Salini, 2021). Siti Aisyah Ibrahim dan Khadijah Abdul Razak (2021) juga ada menyatakan bahawa antara cabaran utama yang dihadapi oleh para guru dalam menggunakan pengajaran atas talian bagi pembelajaran murid adalah tiada capaian internet bagi murid mengikuti pembelajaran atas talian yang dikendalikan oleh guru. Hal ini disokong oleh penyataan Zawiah Binti Bahrom (2020) yang menyatakan bahawa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung, ramai pelajar lebih selesa menggunakan aplikasi *WhatsApp* sahaja untuk mengikuti Proses Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) yang dijalankan oleh guru. Hal ini kerana terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak mampu mengakses internet dengan stabil.

Selain itu, murid juga dilihat menghadapi cabaran dalam melibatkan diri dalam pembelajaran atas talian ini. Menurut Suzlina Hilwani dan Jamaludin (2015), teknologi maklumat berfungsi sebagai nadi penggerak dalam mewujudkan perubahan positif yang boleh mempelbagaikan kaedah PdPc oleh guru. Sikap yang negatif wujud terhadap pembelajaran dalam talian adalah kerana murid-murid masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu di mana mereka lebih mengutamakan PdP secara bersemuka (Mohd Radzi, 2020). Kekurangan motivasi dalam kalangan murid untuk meneruskan pembelajaran dalam talian kerana kurangnya motivasi daripada ibu bapa. Ibu bapa tidak mengambil berat tentang pendidikan anak-anak, malah lebih mengutamakan pekerjaan mereka sepanjang tempoh PKP (Zamri & Anita 2020).

Mohd Fairuz et al. (2020) dalam kajian mengenai kesediaan pembelajaran dalam talian semasa Pandemik Covid-19, mendapati bahawa faktor sosioekonomi mengganggu kesediaan murid dalam mengikuti pembelajaran secara maya. Beliau juga berpendapat bahawa latar belakang murid yang berpendapatan tinggi lebih bersedia dengan PdP secara atas talian berbanding dengan murid daripada keluarga kurang pendapatan isi rumah. Pernyataan ini sejajar dengan dapatan Buja *et al.* (2020), yang mendapati bahawa faktor sosioekonomi telah memberi kesan kepada pembelajaran dalam talian semasa Pandemik Covid-19 disebabkan oleh pendapatan ibu bapa terjejas yang menyebabkan mereka lebih memberi tumpuan terhadap keperluan asas hidup berbanding penyediaan kelengkapan pembelajaran anak-anak mereka.

Oleh itu, beberapa kajian lepas telah menyentuh mengenai pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Antaranya ialah kajian tentang pendidikan semasa fasa Pandemik Covid-19, PdPR dan amalan guru terhadap penggunaan bahan pengajaran digital. Walaubagaimanapun, kajian khusus tentang aplikasi anyflip sebagai medium dalam PdPR dangat kurang dijalankan.

### **Amalan Guru Terhadap Penggunaan Bahan Pengajaran Digital**

Sewaktu Pandemik, kaedah PdPR menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi maklumat, penyediaan peranti digital dan akses capaian internet yang berkualiti. Kajian yang dijalankan oleh Ramakanta dan Sonali (2020) mendapati bahawa majoriti guru bersedia dengan peranti digital serta kewangan untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian semasa tempoh Pandemik Covid-19. Guru dan murid juga perlu menyesuaikan diri serta menguasai kemahiran digital dan teknologi dalam PdPR (Mohd Nor, Nik Yusof & Haron, 2020; Esteve-Faubel, Oller-Benitez & Aparicio Flores, 2020). Keadaan ini adalah untuk menjamin agar pendidikan dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang.

Pelaksanaan PdPR juga memerlukan penggunaan teknologi, pelbagai bahan bantu mengajar, peralatan serta gajet. Azuara *et.al* (2021); Mahad *et.al* (2021); Duai *et.al* (2021) dan Daud *et.al* (2020) menyarankan agar teknologi yang bersesuaian digunakan dalam pelaksanaan PdPR. Teknologi-teknologi ini meliputi maklumat, aplikasi, komputer, internet, grafik, audio dan video. Aplikasi seperti *WhatsApp*, *Telegram* & *Zoom* juga sangat membantu pelaksanaan pembelajaran atas talian. Perisian, sistem rangkaian dan pangkalan data juga antara teknologi yang digunakan dalam pembelajaran dalam talian (Mohd Noorhadi & Tahir, 2017).

Menurut Sidek & Hashim (2016) penggunaan video menggalakkan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar, mudah dan menyeronokkan. Malah, penggunaan bahan pembelajaran daripada internet seperti *Youtube* juga adalah antara teknologi perlu digunakan (Che Azizan & Nasri, 2020). Pelbagai kaedah atau cara pelaporan juga boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. Menurut Mahad, Ugartini & Hamzah, 2021; Sidek & Hashim (2016), latihan boleh diberikan dalam talian. Latihan atau tugasan atas talian yang boleh diberikan kepada murid dengan menggunakan pelbagai aplikasi seperti *Kahoot*, *Quizizz* dan *Edpuzzle* menerusi platform Delima. Malah, pelaporan juga boleh dilaksanakan secara demonstrasi (Mohd Nawawi, 2020; Mohd Nor, Nik Yusoff & Haron, 2020). Ini juga adalah alat bantu mengajar yang sering digunakan oleh guru dalam PdPR.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif seperti berikut:

1. Untuk melihat tahap penggunaan anyflip terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam Menengah Rendah semasa PdPR.
2. Untuk mengenalpasti kekurangan penggunaan anyflip terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam Menengah Rendah semasa PdPR.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual. Dalam kajian ini dokumen formal seperti dokumen kurikulum iaitu Buku Teks Pendidikan Islam Menengah Rendah Tingkatan 1-3 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM digunakan sebagai data. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM untuk kajian ini seperti informasi kursus, sukatan pelajaran, garis panduan kursus, spesifikasi penilaian, bahan pengajaran seperti buku teks dianalisis dan diteliti secara mendalam untuk mencapai objektif kajian. Kaedah analisis dokumen yang dijalankan adalah melalui carian contoh anyflip berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga 3 secara atas talian.

Bagi kaedah temubual, seramai 3 responden guru sekolah menengah yang mengajar menengah rendah terlibat dalam kajian ini. Kesemua mereka mengajar di sekolah menengah dan telah berkhidmat sebagai guru sekitar 7 hingga 11 tahun. Berumur antara 34 hingga 37 tahun. Seorang daripadanya mengajar di MRSM manakala dua orang guru lagi mengajar di sekolah menengah harian.

Pengkaji memberi beberapa soalan kepada guru supaya bersedia dengan jawapan yang ditanya. Selepas itu, pengkaji memulakan sesi temu bual secara rakaman suara di aplikasi whatsapp dan responden menjawab soalan dengan menggunakan kaedah yang sama. Tempoh pelaksanaan kajian ini terbatas dalam tempoh penguatkuasaan PKP bermula dari Fasa 1 hingga Fasa 3.

### **Dapatan Kajian**

Penggunaan kaedah temubual telah digunakan bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk melihat sejauhmana penggunaan anyflip dan mengenalpasti kekangan yang dihadapi guru terhadap pengajaran Pendidikan Islam menengah rendah KSSM semasa PdPR.

## **Dapatan temubual**

Berikut merupakan hasil dapatan temubual pengkaji bersama ketiga-tiga orang guru tersebut melalui medium *WhatsApp* menggunakan *voice mail*.

## **Penggunaan anyflip dalam kalangan guru Pendidikan Islam semasa PdPR**

Melalui temubual ini responden berpendapat anyflip adalah medium yang sesuai digunakan untuk sesi PdPR. Hal ini disebabkan anyflip mudah diakses melalui komputer, komputer riba, tablet dan juga telefon bimbit yang mempunyai rangkaian internet. Jadi ia dapat dilihat dan digunakan pada bila-bila masa. Isi kandungan anyflip yang ringkas, padat, tidak meleret dan ditambah dengan bentuk grafik yang menarik turut membantu menarik minat pelajar. Seterusnya ini dapat membantu objektif pembelajaran tercapai kerana difahami oleh semua pelajar dari pelbagai tahap iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Umum mengetahui buku teks yang diterbitkan oleh pihak kementerian adalah dalam tulisan jawi dan hal ini telah mengurangkan motivasi pelajar yang lemah dalam jawi. Oleh itu dengan penggunaan anyflip yang sama isi kandungannya dengan buku teks telah menyelesaikan masalah ini.

## **Kekurangan anyflip**

Di samping kelebihan yang terdapat dalam anyflip, responden mengakui bahawa terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditambahbaik. Antara kekurangan tersebut ialah masalah dari sudut tetapan. Tetapan anyflip yang tidak membolehkan mereka untuk memfokuskan sesuatu bahagian atau perkataan supaya terlibat besar di paparan. Hal ini menyebabkan pelajar sukar membaca dengan lancar. Selain itu, terdapat kesalahan ejaan dan istilah. Contoh yang disebutkan oleh responden ialah perkataan Kaifiat di dalam buku teks tetapi ditulis dengan perkataan Kifayah. Perkara ini perlu diambil perhatian semasa menggunakan anyflip agar tidak menyebabkan kesalahfahaman kerana maksud perkataan tersebut kelas berbeza.

## **Dapatan Analisis Dokumen**

Berikut merupakan hasil dapatan kajian melalui analisis dokumen iaitu dokumen formal seperti dokumen kurikulum iaitu Buku Teks Pendidikan Islam Menengah Rendah Tingkatan 1-3 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM dan carian contoh anyflip berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga 3 secara atas talian.

## **Penggunaan anyflip dalam kalangan guru Pendidikan Islam semasa PdPR dia atas talian**

Pengkaji telah meneliti anyflip berkaitan pelajaran Pendidikan Islam menengah rendah di atas talian dan membandingkannya dengan dokumen formal seperti dokumen kurikulum iaitu Buku Teks Pendidikan Islam Menengah Rendah Tingkatan 1-3 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM. Analisis mendapati kesemua topik yang terdapat di dalam buku teks telah diolah semula dalam bentuk anyflip oleh kebanyakan guru Pendidikan Islam. Setiap anyflip yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai bentuk persembahan warna dan grafik yang berbeza serta menggunakan tulisan rumi bagi menarik perhatian pelajar. Perkara ini membantu pelajar yang kurang berminat supaya kekal fokus belajar. Bagi pelajar yang lemah dalam tulisan jawi pula akan dapat memberikan sepenuh perhatian, kerana ia ditulis dalam tulisan rumi. Ini sekaligus dapat membantu mereka memahami isi kandungan pelajaran dengan

mudah. Hal ini juga membuktikan bahawa penggunaan anyflip adalah meluas dalam kalangan guru.

### **Kekurangan anyflip**

Melalui penelitian pengkaji mendapati kandungan anyflip lebih berbentuk nota yang ringkas tetapi tidak mempunyai aktiviti dan latihan pengukuhan termasuk soalan Kemahiran Bergilir Aras Tinggi (KBAT) di dalamnya kecuali hanya beberapa tajuk sahaja. Selain itu terdapat beberapa anyflip yang mempunyai kesalahan ejaan. Walaupun isu ketiadaan aktiviti serta latihan pengukuhan dan kesalahan ejaan nampak seperti kecil kerana pembelajaran masih dapat dilaksanakan dengan lancar namun hal ini tidak memenuhi piawaian DSKP bagi menguji tahap kefahaman pelajar. Aras kefahaman pelajar tidak dapat diuji jika tiada soalan pentaksiran atau aktiviti bersesuaian bagi menilai penguasaan sesuatu topik untuk memastikan objektif dalam PdPR tercapai. Justeru, penambahbaikan dibahagian ini perlu dibuat bagi mengelakkan matlamat sesuatu pembelajaran tidak tercapai.

### **Perbincangan**

Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam memastikan semua pelajar mendapat pendidikan secara berterusan dalam memperkembangkan potensi kemenjadian pelajar yang selari dengan enam aspirasi murid di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Aspirasi ini adalah untuk memastikan semua pelajar mendapat pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Kejayaan ini akan tercapai apabila semua pihak memberikan komitmen dalam sistem pendidikan sama ada secara bersemuka atau dalam talian di rumah. Pelaksanaan pengajaran yang kurang berkesan perlu kepada penambahbaikan dan tindakan segera oleh semua pihak. Pentadbir berperanan dalam merancang strategi bagi memastikan pengajaran lebih berkesan.

Bagi menjawab objektif kajian pertama iaitu untuk melihat sejauh mana penggunaan anyflip terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam Menengah Rendah semasa PdPR, penggunaan teknologi ini didapati mampu memaksimumkan kesan pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ketika pembelajaran dimulakan, pelajar lebih teruja kerana mereka dapat mencuba perkara baru. Malah ia juga dapat menjimatkan masa guru dalam proses pembelajaran. Hal ini kerana pembelajaran secara atas talian begitu mencabar dan guru perlu berusaha mencari pelbagai kaedah untuk menarik minat pelajar. Melalui penggunaan anyflip yang lebih ringkas dengan persembahan dan warna yang menarik mampu memikat hati pelajar untuk mempelajari sesuatu topik. Tambahan pula anyflip dalam tulisan rumi dapat membantu proses PdPR bagi pelajar yang lemah dalam tulisan jawi sekaligus objektif pembelajaran tercapai.

Seterusnya bagi objektif kedua, terdapat beberapa kekurangan anyflip yang perlu ditambahbaik bagi mengoptimumkan penggunaannya serta memenuhi kehendak DSKP yang ditetapkan oleh pihak KPM. Hampir kesemua anyflip yang ditemui pengkaji melalui hasil carian di *Google* mendapati majoriti isi kandungan anyflip tidak mempunyai aktiviti dan latihan pengukuhan termasuk soalan KBAT. Disebabkan ketiadaan aktiviti serta latihan ini telah membantutkan sedikit proses mencapai objektif PdPR. Ini menyebabkan guru-guru perlu menyediakan aktiviti dan latihan pengukuhan termasuk soalan KBAT secara berasingan. Sekiranya disediakan aktiviti dan latihan pengukuhan di dalam anyflip sama ada soalan terus, pautan atau *QR Code* atau gamifikasi, ia dapat membantu guru dalam pengajaran dan pelajar lebih jelas dengan adanya latihan pengukuhan tersebut seperti cadangan Kitikedizah Binti Hambali (2022). Selain daripada itu, masalah kesalahan ejaan juga perlu diberikan perhatian

kerana terdapat beberapa kesalahan ejaan yang menyebabkan makna perkataan tersebut berubah. Perkara ini telah merubah maksud asal yang termaktub dalam isi kandungan sebenar di dalam buku teks.

### Rumusan

Kesimpulannya, penggunaan anyflip semasa proses PdPR sangat membantu serta menjadi salah satu medium pilihan bagi kebanyakan guru selain dari buku teks digital. Selain itu, anyflip juga mudah diakses serta menarik tumpuan pelajar semasa proses pembelajaran. Namun kekurangan utama ialah ketiadaan latihan pengukuhan dan kesalahan ejaan. Pada masa akan datang, perlu diwujudkan badan penyemak anyflip serta tingkatkan kemahiran para guru untuk membina anyflip sendiri dalam menghasilkan nota ringkas daripada buku teks agar pengajaran dan pembelajaran lebih efektif dan interaktif.

### Rujukan

- Afriyanti, I., Wardono, W., & Kartono, K. (2018). Pengembangan Literasi Matematika Mengacu PISA Melalui Pembelajaran Abad Ke-21 Berbasis Teknologi. In PRISMA, Prosiding Seminar Nasional Matematika (Vol. 1, pp. 608-617).
- Ahmad, H. (1985). Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah: Jld. 7, 1985 Peranan Buku Teks Dan Peperiksaan Dalam Kbsm 1. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education (Formerly Known as Journal of Educators and Education)*, 7(1), 1–13.
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017), Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks Dalam Dunia Pendidikan, ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACERJ) Volume 1(1) January 2017, 25-40.
- Azuara, S., Abidin, S.Z., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 1-14
- Buja, A., Paganini, M., Cocchio, S., Scioni, M., Rebba, V. & Baldo V. (2020) Demographic and socio-economic factors, and healthcare resource indicators associated with the rapid spread of COVID-19 in Northern Italy: An ecological study. *PLoS ONE* 15(12): e0244535.
- Che Azizan, S. N., & Nasri, N. M. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian Melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) Semasa Tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 4657
- Hamat, M., & Mahlan, S. B. (2020). Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19, (September), 23–30.
- Hussein Hj. Ahmad (1985) Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah: Peranan Buku Teks Dan Peperiksaan Dalam Kbsm. *Pendidik Dan Pendidikan*. Jld. 7, 1985
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), <https://www.moe.gov.my/> pemberitahuan/pengumuman/ pelantar-pembelajaran-digital-delima.
- Kitikedizah Hambali, Maimun Aqsha Lubis. (2022). Kepentingan Gamifikasi Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACERJ) Volume 5 (1) Januari 2022*, 58-64. eISSN: 2600-769X
- Kristina Dewi Martani (2020) Penerapan Media Pembelajaran Digital Book Menggunakan Aplikasi Anyflip Untuk Meningkatkan Kualitas Pembelajaran Bahasa Indonesia Dalam Mengidentifikasi Unsur Intrinsik Cerita Siswa Kelas 4 SD N Bagusan

- Kecamatan Parakan Kabupaten Temanggung. *Jurnal Pendidikan Dan Profesi Pendidik* ISSN: 2477-3387 | e-ISSN: 2597-6516 Universitas PGRI Semarang Vol. 6 No. 1 | Mei 2020
- Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S., & Yusof, R. (2020). ITRACK dalam PDP Sejarah: Tinjauan terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 83-97.
- Mahad, I., Ugartini, M. & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Malay Language Education Journal*, 11(1), 16-28.
- Maimun Aqasha, Mohd Sham Kamis, Sohaina Mohd Salleh, Hajar Taib, Ikwan Lubis (2021). Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia. *Asean Mas Ayu binti Dahlan* (2003). Penggunaan Buku Teks Di Sekolah Bestari: Tumpuan Kepada Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan. Tesis Master, Universiti malaya
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesiediaan pembelajaran dalam talian semasa Pandemik Covid19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, 404-410.
- Mohd Noorhadi., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA. *Journal of Social Science and Humanities*, 12(3), 023 ISSN: 1823-884x.
- Mohd Nor, R., Nik Yusoff, N. M. R., & Haron, H. (2020). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 125-140.
- Mohd Nor, R., Nik Yusoff, N. M. R., & Haron, H. (2020). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 125 -140
- Mohd Radzi Jidin. (2020). Belajar dalam talian kurang berkesan berbanding bersemuka. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/595525/belajar-dalam-taliankurangberkesan-berbanding-bersemuka-metrotv>. (Diakses pada 08 Februari 2021).
- Norehan Binti Mohd Nasir, Mahaliza Binti Mansor (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 7, (page 416 - 421)
- Nur Akalili Mohd Amin, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19 (A Survey Study of Secondary School Students' Perception of Online Learning During The Covid-19 Pandemic). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd%0AKajian>
- Nur Amira Aishah Mohd Adnan, Manfaat buku teks versi digital, Diperolehi pada 24 September 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/01/777762/manfaat-buku-teks-versi-digital>.
- Ratheeswari, K. (2018). Information Communication Technology in Education. *Journal of Applied and Advanced Research*. 3. 45. 10.21839/jaar. 2018.v3iS1.169.
- Saleh, M. N. (2019). Berijazah Secara PJJ Di Malaysia Peluang, Cabaran, Ciri dan Gaya Pembelajaran Pelajar, dan Strategi Kejayaan (Penerbit USM). Penerbit USM
- Salleh, N. F. binti M. (2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/342886967>, (July), 1-8. Retrieved from <https://www.bps.go.id/dynamictable/2018/05/18/1337/persentase-panjang-jalan-tolyang-beroperasi-menurut-operatornya-2014.html>

- Sidek, S, & Hashim, M. (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education*, 3,2433.
- Siti Nur Aisyah Ibrahim, khadijah abdul razak (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran Dan Impak Dalam Pendidikan Islam Dan Pembelajaran Murid. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies And Education (Arise)* Volume 1, Issue 1.
- Siva, Rabindarang & Vimala, A. (2021). *ASIAN PENDIDIKAN Paradigma Baharu PdPR : Satu Sorotan Kajian*, 1, 19–24.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan web 2.0 dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 5 (2): 38-48.
- Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh (2021) Cabaran PdPR Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar. *MJSSH Online: Volume 5 - Issue 2, Pages 183 –190*
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. 2020. COVID-19: Impak dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Pnyt.) *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, 449-486. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Lampiran

1. Contoh anyflip. Anyflip tiada aktiviti dan pengukuhan. Hanya isi penting sahaja.



**PELAJARAN 27 (AKHLAK)**  
**AKHLAK TERPUJI HIASAN DIRI**


HARI : \_\_\_\_\_ TARikh : \_\_\_\_\_

**MAKSUD AKHLAK**  
Bahasa : Perkataan akhlak berasal daripada perkataan **أَخْلَقَ** yang bermaksud **buai, polak, watak, kelakuan dan tabiat**.  
Isi : Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong labirnya untuk perubahan dengan mudah tanpa pertimbangan dan pemikiran yang mendalam.

**PEMBAHAGIAN AKHLAK**

<b>AKHLAK MAHMUDAH</b> Sifat dan tingkahlaku terpuji yang terdapat pada diri seseorang yang berketepatan dengan nilai dan perakuan syara'	<b>AKHLAK kepada Allah SWT</b> Syukur, sabar, redha, tawakal, zikir dan ghaibah.
<b>AKHLAK kepada manusia</b> Tawaduk, menghormati orang lain, pengasih dan pemurah.	<b>AKHLAK kepada Allah SWT</b> Riya, puitan asa, sangat buruk dan lalat.
<b>AKHLAK MAJMUHAH</b> Sifat dan tingkahlaku baik yang terdapat pada diri seseorang yang berlawanan dengan nilai dan perakuan syara'	<b>AKHLAK kepada manusia</b> Sombong, merendang hina terhadap orang lain, kasar, merendahkan, khianat dan bakhil.

**KELEBIHAN BERAKHLAK**  
Orang yang berakhlak mahmudah mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT. Kemuliaannya ini dipaparkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang berikut :  
من اتقى الله عز وجل عرفت الله عز وجل في الدنيا والآخرة  
Terjemahan : (Abu Hurairah) ia menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Orang mukmin yang patuh terhadap perintah Allah SWT akan mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT."  
Orang yang berakhlak mahmudah mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT. Kemuliaannya ini dipaparkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang berikut :  
من اتقى الله عز وجل عرفت الله عز وجل في الدنيا والآخرة  
Terjemahan : (Abu Hurairah) ia menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Orang mukmin yang patuh terhadap perintah Allah SWT akan mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT."  
Orang yang berakhlak mahmudah mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT. Kemuliaannya ini dipaparkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang berikut :  
من اتقى الله عز وجل عرفت الله عز وجل في الدنيا والآخرة  
Terjemahan : (Abu Hurairah) ia menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Orang mukmin yang patuh terhadap perintah Allah SWT akan mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT."



2. Temubual guru yang dijalankan menerusi asplikasi whatsapp



## 2. Transkrip Temu Bual

Penggunaan kaedah temubual telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian terhadap sejauhmana penggunaan anyflip dan mengenalpasti kekangan yang dihadapi guru terhadap pengajaran Pendidikan Islam menengah rendah KSSM semasa PDPR.

### **Dapatan temubual :**

Berikut merupakan hasil dapatan temubual pengkaji bersama ketiga-tiga orang guru tersebut melalui medium whatsapp menggunakan voice mail.

Penggunaan anyflip dalam kalangan guru Pendidikan Islam Menengah Rendah semasa PdPR

Medium baik sesuai untuk PdPR
Mudah diakses dan dilihat dan digunakan pada bila-bila masa sahaja
Persembahan dan penampilan anyflip menarik
Ringkas, padat, tidak meleret
Hasilnya pelajar dapat tangkap apa yang diajar
Terjemah isi kandungan buku teks dari jawi ke rumi

### **Kekurangan anyflip**

Tetapan : tidak boleh zoom, tulisan agak kecil jadi pelajar sukar membaca
Kesalahan ejaan dan istilah : contoh sepatutnya Kaifiat tetapi ditaip Kifayah
Tiada soalan KBAT dan soalan penilaian

Berikut adalah temubual yang telah kami tukarkan kepada teks.

**Pengkaji:** *Assalamualaikum. Terima kasih sebab sudi ditemu bual. Okey untuk permulaannya boleh ustazah kenalkan diri dan ceritakan serba sedikit pengalaman mengajar Pendidikan Islam?*

**GURU:** Bismillah assalamualaikum okey nama saya Nurul Izzah binti Bakar. Saya kini mengajar di MRSM Kota Putera di Terengganu. Pengalaman mengajar dalam subjek Pendidikan Islam masuk tahun kesepuluh dari mula posting sampai sekarang memang ajar

subjek pendidikan Islam lah. Emm sebelum ni banyak mengajar tingkatan tiga. Namun tahun ni diberi tugas baru mengajar tingkatan empat dan tingkatan dua. Okey itu sahaja.

***Pengkaji: Alhamdulillah maksudnya sekarang ni saya tak salah pilih guru untuk ditemu bual sebab ustazah banyak sangat pengalaman kan. Okey insya-Allah kita akan teruskan dengan soalan. Umum mengetahui sekarang kita menghadapi pandemik covid-19 dan pihak KPM memutuskan untuk melaksanakan PDPR. Bagaimanakah pengalaman sepanjang ustazah melaksanakan PDPR?***

GURU: Okey pengalaman aa sepanjang PDPR ni, saya secara peribadi alhamdulillah tak ada masalah sangat. Dari segi kehadiran pelajar alhamdulillah memuaskan sebab kami kalau di sekolah ini memang mewajibkan untuk diadakan apa online secara video secara live. Jadinya memang pelajar wajib hadir. Guru memang mengajar bukan sorang-sorang lah. Guru mengajar dua hala yang mana para pelajar kena bagi respond. Dari segi isi kandungan, mengajar untuk PDPR ni alhamdulillah kita ikut silibus macam biasa. Cuma bila nak mengajar secara online ni dia kurang kurang kepuasan sikitlah sebab cikgu aje lah yang biasanya banyak bercakap. Pelajar ini dia akan respons bila kita tanya je. Ha lainlah kan bila belajar bersemuka itu. So far alhamdulillah lah setakat ini.

***Pengkaji: Alhamdulillah seterusnya dalam melaksanakan PDPR guru-guru memerlukan bahan digital dalam memberikan input kepada pelajar. Terdapat banyak bahan digital yang boleh diakses untuk melancarkan PDPR. Salah satunya anyflip book. apakah pendapat ustazah tentang anyflip?***

GURU: Okey pendapat saya tentang anyflip ni, dia adalah satu medium yang baik dan sesuai kita gunakan dalam PDPR. Bagi saya lah dia ada dua kelebihan lah satu sebab dia mudah untuk diakses sebab kalau kita search dia dekat dekat internet atau Google ke biasanya bila kita search tajuk untuk subjek pendidikan islam dia akan terus keluar link untuk yang anyflip, jadi dekat situ dia mudah untuk diakses dan yang kedua dia agak menarik okey agak interaktif juga sebabnya dari segi presentation ataupun appearance dia agak menarik. Waktu kita mengajar pelajar akan seronoklah untuk belajar bersama. Anyflip juga lebih mudah dilihat sebab jika kita guna anyflip ni kita kena pastikan bahan-bahan dekat situ ringkas dan padat tak ada lah meleret-leretkan jadi so kalau pelajar tengok terus dapat tangkap apa yang kita nak ajar. Itulah pendapat saya.

***Pengkaji: Baik melalui pandangan ustazah tadi banyak perkara positif yang ustazah berikan tentang anyflip. Seterusnya saya nak tanya adakah isi kandungan anyflip dapat membantu ustazah dalam PDPR dan bagaimana isi kandungan tersebut dapat membantu?***

GURU: Dalam penggunaan anyflip, setakat yang saya perhatikan isi kandungannya boleh membantu dalam PDPR sebab apa yang terkandung dalam anyflip itu biasanya dia berpandukan buku teks kan so memang betul-betul kena ikut syllabus lah kalau nak buat anyflip ni. tapi pada masa yang sama saya tak nafikan ada juga saya jumpa ada beberapa tajuk yang menggunakan anyflip ni dia punya isi kandungan tu ataupun sub topik dalam tu kurang lengkap. Sebabnya contoh adalah tertinggal beberapa topik sedangkan dalam buku teks sebenar sub topik itu perlu kita ajar. Jadi pada pendapat saya, kalau nak guna anyflip ni tak ada masalah cumanya kena perhati jugalah sebab kadang-kadang adalah tertinggal sikit-sikit itu. Tapi setakat ini alhamdulillah ia memang membantu PDPR.

***Pengkaji: Baik tadi ustazah ada sentuh tentang anyflip perlu isi kandungannya sama seperti dalam buku teks. Baik sebagai seorang guru. tajuk pelajaran yang diajar mesti memenuhi apa yang terkandung dalam DSKP dan buku teks seperti yang ustazah terangkan tadi dan mesti memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Adakah anyflip memenuhi kehendak dalam DSKP? Dan mengapa?***

GURU: Okey seperti yang kita sedia maklum DSKP ni memang pentinglah kan sebab dia sebagai kayu ukur kita dalam mengajar. Terutamanya jika kita mengajar memang kena follow DSKP dan DSKP ni memang ada dalam buku teks. Jadi jika kita menggunakan anyflip setakat pengalaman sayalah gunakannya dia tak ada masalah sangatlah dengan DSKP ini. Sebabnya dalam standard pembelajaran itu kita boleh tengok apa dia punya standard pembelajaran yang dikehendaki bagi setiap topik itu. Contohnya nombor berapa, membaca ayat dari surah mana hingga ke mana, dengan keadaan lancar dan bertajwid. kemudian menyatakan inti sari ayat. menghafaz ayat ayat al-Quran yang diajar dan seterusnya. Jadi bila menggunakan anyflip bagi pendapat saya, dia tak ada masalah sebabnya memang mengikut kehendak DSKP sebab isi kandungan terdapat dalam bahan-bahan yang disediakan dalam anyflip itu perlu mengikut susunan. Okey mula-mula kena baca ayat. Lepas itu kita baca inti sari ayat. Jadi setiap subtopik itu pelajar akan dapat ikuti dengan baik dan juga yang paling Guru kena mainkan peranan yang betul dan dapat bimbing pelajarlah terutamanya kalau dari segi nak membaca ayat al-Quran dengan bertajwid. Dalam penggunaan anyflip ni bagi saya tak ada masalah selagi mana bahan yang kita sediakan itu memang betul-betul mengikut DSKP. Contohnya kalau dia tulis dekat DSKP itu membaca ayat kan. Jadi dekat anyflip itu kenalah ada ayat al-Qurannya. Kalau tak ada ayat al-Quran yang nak kita belajar itu, macam mana pelajar nak membaca kan ha itulah pendapat saya.

***Pengkaji: terima Kasih ustazah. Seterusnya apakah terdapat perbezaan reaksi pelajar ketika ustazah menggunakan buku teks dengan anyflip ketika mengajar dan mengapa terdapat perbezaan tersebut?***

GURU: Okey kalau dari segi reaksi, sebab kita mengajar online kan jadi sebelum ni kalau guna buku teks saya secara peribadi aa saya kalau mengajar saya tak tunjuk sangat buku teks sebenarnya sebab saya lebih gemar guna Powerpoint so saya dah pastikan saya buat power poin saya itu dengan sebaik mungkin secantik mungkin supaya saya dapat menarik minat para pelajar saya. waktu mengajar tu at least kalau tiada video sangat ke, dengan powerpoint tu dia akan rasa seronok belajar. jadi kalau nak dibandingkan dengan anyflip ni pendapat saya, para pelajar saya mungkin macam lebih kurang sama aje kut dengan penggunaan buku teks atau power point itu. Sebabnya anyflip ini dia memang. agak menarik juga tapi dia tak adalah lebih kepada animation sangat kan cuma lebih nampak menarik, cantik, comel gitu tapi dalam masa sama dia agak macam buku biasa tapi boleh diflipkan ha gitu. Jadi jika ditanya mengenai reaksi pelajar ni lebih kurang sama je. tidak dinafikanlah anyflip tu memang ceria sikit.

***Pengkaji: baik, sebelum ni ustazah ada terangkan tentang terdapat juga kekurangan dalam penggunaan anyflip? Boleh ustazah berikan contoh-contoh kekurangan yang terdapat dalam anyflip tersebut?***

GURU: Okey dari segi kekurangan yang saya nampaklah pada dua kekurangan. Yang pertama dari segi setting. Contohnya kalau kita guna anyflip ni dalam laptop kita boleh buat jadi full skrin kan. So kita enter full skrin itu dia memang akan full skrin. Tapi anyflip yang bagi sayalah yang kurang seronok sikit bila nak zoom dia tak boleh. Contohnya bila dia memang akan paparkan full skrin tapi dia terus kepada dua page. sebabnya kalau nak bandingkan dengan

Powerpoint dia akan siarkan satu page. So bila satu muka surat penuh tu lebih jelaslah kan nampak. so kita sebagai guru dan pelajar pun mereka boleh nampak dengan lebih jelas jadi kalau anyflip ni, walaupun kita buat full skrin tapi dia tak boleh nak fokus pada muka surat yang betul-betul kita nak baca ataupun nak belajar itu, sebabnya dia akan terus fokus pada dua muka surat. Jad, tulisan itu agak kecillah kalau nak baca kan. Contoh bila saya mengajar bila saya minta para pelajar bacakan isi-isi penting dalam muka surat itu so pelajar bila dia baca, kadang-kadang macam sangkut-sangkut sikit, tersekat-sekat sikit sebab dia kurang nampak. Ha itu dari segi setting itulah. Dan yang kedua, yang ini mungkin terdapat dalam mana-mana medium lah iaitu penyediaan bahan dalam anyflip itu. Sebab contohnya dari segi ejaan. Okey. Ejaan dan istilah. Bagi saya benda ni perlu diambil perhatianlah. Tak bolehlah kita ambil mudah eh sebab bila melibatkan istilah dalam pendidikan Islam ni akan melibatkan hukum kan contoh perkataan yang saya pernah jumpa dalam bahagian fikah. Sepatutnya ayat itu ialah kaifiat menunaikan solat sunat tapi saya terkejut sebab bila saya tengok ianya ditulis di anyflip kifayah menunaikan solat sunat, maksudnya tak betullah kan. So kalau nak sediakan bahan, pastikan kita tengok dulu apa yang kita nak taip, betul sama menepati apa yang kita nak ajar. Mungkin penggunaan bahan itu dari orang yang pelbagai kan. Apa-apa pun kena berhati-hatilah.

***Pengkaji: Baik ustazah seterusnya soalan yang terakhir. Boleh ustazah berikan cadangan penambahbaikan bagi isi kandungan dalam anyflip agar kekurangan yang terdapat boleh diatasi dan memastikan PDPR yang dijalankan berjaya.***

GURU: Okey ini secara keseluruhannya aa bagi pendapat sayalah. Dia dah dah elok dah. Aa memang kalau kita tengok itu macam puas hati dan menarik minat pelajar untuk belajarlak kan. So dia senang untuk dilihat dan disemak. Tapi pada masa yang sama kalau bolehlah. Aa anyflip ni sepertimana yang saya cakap tadi lah dari segi dia punya presentation dari sudut setting tu kalau boleh bila full skrin tu betul-betul full skrin. Aa sebab bila kita zoom sekalipun dia macam zoom tu tak sepenuhnya. Aa. bila kita siar tunjuk pada para pelajar kita dia masih tidak jelaslah kadangkadang itu, terutamanya kalau kita tengok pada ayat al-Quran ataupun hadis kan. So bila pelajar tengok dia macam tak boleh nak baca dengan lancarlah kan. So terganggu sikit kat situ. And then lagi satu, ni cadangan saya jugalah. Tak tahulah kan apa akan berlaku pada masa hadapan, seandainya anyflip ini boleh dimasukkan sekali dengan video itu akan menjadi lebih menarik aa sebabnya seiring dengan kita punya PDPR di zaman yang semakin canggih ini aa para pelajar memang majoritinya akan lebih tertarik kepada video kan berbanding dengan paparan ayat-ayat sahaja ataupun apa yang kita syarahkan saja sebab ialah mereka ni generasi terkini kan. Mereka lebih dekat dengan apa-apa yang interaktif macam tu. jadi pada pendapat saya penggunaan anyflip ni bolehlah diteruskan sebab kita pun nak juga terapkan dalam jiwa para pelajar bahawa belajar pendidikan Islam ni adalah sesuai dengan peredaran zaman. tak kiralah dalam keadaan belajar bersemuka ataupun belajar secara online kan sebabnya kita boleh belajar secara santai dan menarik dan juga dalam keadaan yang ceria. Tak adalah rasa macam pendidikan islam ni Allah susahnyanya. Jadi macam itu. So itu sajalah daripada saya. Terima kasih.